

**Sultan Selangor Berkenan Sampai Sumbangan Kepada 62 Anak Yatim  
Bernama  
12 Ogos, 2012**

MELAKA, 12 Ogos (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan hari raya Aidilfitri kepada 62 penerima dari rumah anak yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Pantai Puteri di sini, hari ini.

Sumbangan itu merupakan sumbangan peribadi baginda.

Pengurus rumah anak yatim tersebut Ibrahim Abdul Hamid berkata sumbangan itu amat bermakna buat penghuni rumah anak yatim berkenaan bagi persiapan menyambut hari raya yang bakal menjelma.

"Saya amat berbesar hati kerana baginda sultan sudi datang ke Melaka bagi memberi sumbangan kepada penghuni rumah anak yatim ini selama dua tahun berturut-turut," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis Kurniaan Sumbangan Hari Raya di sini.

Turut hadir Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Khalil Yaacob dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Ibrahim berkata baginda merupakan penyumbang terbesar rumah anak yatim itu sejak dibina pada 2002.

Katanya setakat ini rumah anak yatim tersebut mempunyai 90 penghuni terdiri daripada kanak-kanak berumur lapan hingga 17 tahun selain 13 kakitangan.

Sementara itu, seorang penerima, Amirul Firhan Asren, 8, berkata dia teruja menerima duit raya dari baginda dan berhasrat menyimpan wang tersebut di bank untuk kegunaan masa depan.

"Saya berasa gembira bukan sahaja kerana diberi peluang menerima sumbangan dari baginda, malah dapat bertemu dan bersalam dengan baginda," katanya.

Nurul Hidayah Anuar, 13, pula berkata ini merupakan tahun kedua dia bertemu baginda dan amat teruja menerima sumbangan berkenaan.

"Saya amat berterima kasih kepada baginda kerana memberi saya dan rakan-rakan sumbangan duit raya dan saya juga berhasrat untuk menyimpan duit ini di bank untuk pembelajaran saya," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687523>